

41 – Adakah Allah menyuruh melakukan kefasikan dan kejahatan

- (Al Israa': 16) وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاهَا تَدْمِيرًا
- Allah membinasakan sesuatu kaum setelah mereka melakukan kefasikan.

Soalan

- Adakah Allah mahukan kebinasaan kepada manusia?
- Kenapa Allah menyuruh orang-orang yang mewah menderhaka, lalu dengan sebab itu Dia boleh menyeksa dan menghancurkan orang-orang miskin yang berada dalam kalangan mereka?
- Bagaimana pula dengan firmanNya وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ۝ ١٦٨ (Al Baqarah: 168 & 169) إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ

Jawapan

- ✓ Allah tidak pernah menyuruh melakukan kejahatan, bahkan Ia menyuruh melakukan kebaikan إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ (An Nahl: 90) dan firmanNya قُلْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ أَتَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ (Al A'raaf: 28)
- ✓ Pada asalnya Kami menyuruh mereka melakukan ketaatan, tetapi mereka ingkar dengan sebab kemewahan yang dikecapi mereka.
- ✓ Sudah sunnatullah, apabila orang-orang kaya melakukan perkara haram dan mengingkari perintah Allah, akan berlaku kerosakan diatas muka bumi.

42 – Rasul ragu dengan wahyu?

- كَتَبَ أَنْزَلَ إِلَيْكَ فَلَا يَكُنْ فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِ (Al A'raaf: 2)
- Al Quran diturunkan kepada Nabi s.a.w.
- Janganlah ada perasaan ragu padanya.

Soalan

- Rasul sendiri telah ragu dengan wahyu. Hatinya telah dipenuhi keraguan dan keangsaan.
- Kerana itu lah Allah memerintahkannya menghilangkan keraguan dan kesangsian didalam hatinya.

Jawapan

- ✓ Ayat ini melarang Rasul daripada ragu dalam menyampaikan wahyu dan memberi ancaman kepada manusia.
- ✓ Rasul merasa ragu untuk menyampaikan kerana ditakuti orang-orang Kafir akan mendustakannya.
- ✓ Ada perbezaan antara ragu tentang wahyu itu sendiri dan juga ragu untuk memberitahu orang lain.

43 – Allah menguji Ashaabus Sabt

- **وَاسْأَلْهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرْعًا وَيَوْمَ لَا تَأْتِيهِمْ إِلَّا خِيتَانٌ عُجُوفٌ (Al A'raaf: 163)**
- **فَلَمَّا عَتَوْا عَنْ مَا نُهُوا عَنْهُ قُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ (Al A'raaf: 166)**
- Ashaabus Sabt ialah penduduk Yahudi di sebuah kampung. Mereka diuji dengan dilarang menangkap ikan pada hari sabtu.
- Mereka tidak lulus ujian itu dan akhirnya bertukar menjadi kera.

Soalan

- Bagaimana Dia boleh menguji mereka supaya melakukan kejahatan dan memudahkan mereka untuk menderhaka dengan menimbulkan ikan-ikan yang tidak pernah timbul di hari-hari lain pada hari sabtu?

Jawapan

- ✓ Setiap orang pasti akan diuji **الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا** (Al Mulk: 2)
- ✓ Mereka akan diuji, samaada dengan kebaikan atau kejahatan (**كُلُّ نَفْسٍ** ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً) (Al Anbiyaa': 35)
- ✓ Mereka yang lulus berhak mendapat balasan, begitu juga mereka yang gagal.
- ✓ Berkenaan Ashaabus Sabt, mereka telah diingatkan oleh Allah tentang ujian tersebut **يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِيَبْلُوَنَّكُمْ اللَّهُ** hingga **فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ** (Al Maaidah: 94)

44 – Nabi Isa tahu perkara ghaib

- وَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدَّخِرُونَ فِي بُيُوتِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ (Ali 'Imraan: 49)
- Ayat ini menceritakan mu'jizat-mu'jizat Nabi Isa. Antaranya mengetahui apa yang dimakan dan disimpan di rumah seseorang.

Soalan

- Mengetahui perkara ghaib adalah antara sifat Tuhan. Kerana itu orang Kristian menganggap Nabi Isa sebagai Tuhan.

Jawapan

- ✓ Mengetahui perkara ghaib khusus dengan Allah sahaja فَقُلْ إِنَّمَا الْغَيْبُ لِلَّهِ (Yunus: 20)
- ✓ Nabi Isa adalah antara makhluk yang diberitahu kepadanya perkara ghaib قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَا سْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ (Al A'raaf: 188) dan firmanNya عَالِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَى غَيْبِهِ أَحَدًا (26) إِلَّا مَنْ (Al Jinn: 26 & 27) ارْتَضَى مِنْ رَسُولٍ
- ✓ Mengetahui perkara ghaib tidak khusus kepada Nabi Isa sahaja. Ia juga pernah berlaku kepada Nabi Yusuf قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِهِ إِلَّا نَبَّأْتُكُمَا بِتَأْوِيلِهِ (Yusuf: 37) قَبْلَ أَنْ يَأْتِيَكُمَا ذَلِكَمَا مِمَّا عَلَّمَنِي رَبِّي

45 – Keadaan malaikat ketika penciptaan Adam

- وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (Al Baqarah: 30)
- Sebelum manusia diciptakan, Allah telah memberitahu malaikat bahawa Dia akan menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi.

Soalan

- Perlukah Allah memberitahu para malaikat dahulu sebelum Dia mencipta Nabi Adam?
- Bagaimana Allah yang Maha Bijaksana itu boleh bermesyuarat dahulu dengan para malaikat sebelum mencipta Nabi Adam?
- Bagaimana malaikat yang bersifat patuh itu boleh membantah tindakan Allah? قَالَوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ (Al Baqarah: 30)

Jawapan

- ✓ Allah tidak bermesyuarat dengan malaikat. Allah tidak menggunakan perkataan **إني سأجعل** sebaliknya menggunakan perkataan **إني جاعل** yang memberi erti putus. Iaitu keputusan sudah berada di tanganNya.
- ✓ Dia hanya memberitahu mereka apa yang akan Dia lakukan, supaya mereka ada ilmu dan pengetahuan tentangnya.
- ✓ Malaikat bukan membantah Allah, sebaliknya inginkan penjelasan disebalik apa yang Dia akan lakukan. Mereka ingin tahu hikmah disebalik penciptaan yang Ajaib itu.